

**Dimensi Keibubapaan dalam Pendidikan Anak di Era
Pandemik dan Solusi Menurut Kitab *Manhaj Al-Tarbiah Al-
Nabawiyah li Al-Tifli*¹**

***Dimensions of Parenting in Children's Education in the
Pandemic Era and Solutions According to the Book of Manhaj
Al-Tarbiah Al-Nabawiyah li Al-Tifli***

Siti Noor Farahin M Fariddudin

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya
ummhamzah8990@gmail.com

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
ijamh@um.edu.my

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
smhilmi@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no1.5>

Abstract

During the Covid-19 Pandemic, parents are facing conflicts in educating their children due to the new norms that have changed the lifestyles of people around the world. This pandemic has a profound impact on the development of the child especially emotionally and socially. Therefore, parents should master in parenting skills to help their children's educational development. This study will present several dimensions of parenting skills in child education according to the book Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyah li al-Tifli by Muhammad Suwaid. This study also discusses solutions in children's education in the covid-19 pandemic. This study applies inductive and deductive methods by using thematic analysis. The results showed that the dimensions of faith, worship, social, emotional, moral, physical, intellectual, health and sexual are focused in

¹ Penulisan ini telah dibentangkan dalam 3rd International Conference on Islam, Development, and Social Harmony in Southeast Asia pada 7-8 Oktober 2021 anjuran Antasari State Islamic University Banjarmasin, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Academy of Islamic and Arabic Studies Princess of Naradhiwas University (PNU) Thailand. Penulisan ini dikemukakan bagi tujuan penerbitan dengan suntingan agar berbeza daripada pembentangan seminar.

this book. The dimensions of parenting skills discussed in this book are suitable as a guidance to assist parents in facing the challenges of their child's education especially in the post-pandemic covid-19 era.

Keywords: *Parenting Skills, Child Education, Dimensions, Covid-19 Pandemic, Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyyah li al-Thifli*

Abstrak

Mendepani Era Pandemi Covid-19, para ibu bapa menghadapi konflik dalam mendidik anak berikutan norma baru yang telah mengubah gaya hidup masyarakat seluruh dunia. Pandemi ini memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan anak terutamanya dari sudut emosi dan sosial. Oleh itu, ibu bapa sewajarnya menguasai kemahiran keibubapaan demi membantu perkembangan pendidikan anak-anak. Sehubungan itu, penulisan ini mengemukakan beberapa bentuk dimensi kemahiran keibubapaan dalam pendidikan anak menurut kitab *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyyah li al-Thifli* karya Muhammad Suwaid. Penulisan ini turut membincangkan solusi dalam pendidikan anak di era pandemik Covid-19. Penulisan dalam bentuk kajian teks ini mengaplikasikan kaedah induktif dan deduktif dan dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendapati dimensi akidah, ibadah, sosial, emosi, akhlak, jasmani, intelektual, kesihatan dan seksual merupakan elemen utama yang direncami dalam kitab tersebut. Dimensi kemahiran keibubapaan yang dibincangkan dalam kitab ini sesuai dijadikan panduan bagi membantu para ibu bapa dalam menghadapi cabaran pendidikan anak terutamanya dalam era pasca pandemik Covid-19.

Kata kunci: *Kemahiran Keibubapaan, Pendidikan Anak, Dimensi, Pandemi Covid-19, Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyyah li al-Thifli*

Pendahuluan

Ibu bapa mempunyai peranan utama dalam merangsang perkembangan dan pertumbuhan anak khususnya dalam era pandemik yang sedang melanda dunia. Ini kerana anak-anak lebih menghabiskan masa di dalam rumah berbanding di luar rumah. Akibatnya, anak-anak berasa terkepung dan mulai melakukan perkara yang mencabar kesabaran dan mencetuskan amarah ibubapa.

Menurut Noor Aishah Rosli², pandemik Covid-19 yang melanda dunia telah memberi kesan dari sudut emosi, kognitif dan tingkah laku kanak-kanak. Walaupun kadar penularan yang melibatkan kanak-kanak adalah kecil, tidak bermakna kanak-kanak bebas daripada tekanan malahan lebih terkesan terutamanya terhadap perkembangan sosial dan emosi. Pelaksanaan PKP dalam usaha mengekang penularan wabak Covid 19 dan menekankan penjarakan fizikal telah menghalang anak-anak untuk berinteraksi, bersosial dan bermain bersama rakan sebaya.

Perkara ini memberi kesan seperti simptom tidak boleh berenggang, hilang fokus, mengamuk, tidak yakin dan ketakutan.³ Menurut Nor Hamizah & Abd Rashid,⁴ adalah penting bagi ibu bapa untuk mengamalkan corak keibubapaan yang sihat, menyediakan persekitaran yang dipenuhi dengan kasih sayang, penjagaan kesihatan, menggalakkan komunikasi sihat dengan mendengar secara aktif serta memberi peluang anak untuk meluahkan perasaan bagi memastikan kesejahteraan mental kanak-kanak ketika wabak Covid-19 ini.

Konflik ini disokong oleh kajian yang melaporkan kebanyakan ibu bapa memerhatikan perbezaan keadaan emosi dan aktiviti anak-anak mereka semasa PKP. Ibu bapa mengesan anak-anak mereka menunjukkan simptom keletihan, kegelisahan, kemurungan, kesunyian dan rasa bimbang ketika tempoh PKP.⁵

Tanpa bantuan di peringkat awal permasalahan, kanak-kanak berkecenderungan untuk membesar ke peringkat seterusnya sebagai remaja atau dewasa yang mengalami krisis kehidupan yang tidak selesai. Perkara ini membawa kepada masalah tingkah laku serta meletakkan zaman dewasa mereka dalam keadaan trauma hasil daripada peristiwa lampau. Seterusnya menyumbang kepada

² Pakar Psikologi Kanak-Kanak yang juga Pensyarah Kanan Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. [BERNAMA - Lumrah Dan Cabaran Kanak-Kanak Dalam Mendepani COVID-19](#) diakses pada 7 November 2021.

³ Russell M. Viner et al., "School Closure and Management Practices during Coronavirus Outbreaks Including COVID-19: A Rapid Systematic Review," *The Lancet Child and Adolescent Health* 4, no. 5 (2020): 397–404, doi:10.1016/S2352-4642(20)30095-X.

⁴ Nor Hamizah Abd Razak and Abdul Rashid Aziz@ Dorashid, "Perkembangan Sosial Dan Emosi Kanak-Kanak: Kesan Penjarakan Sosial Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Dan Pendekatan Dalam Membantu," *E-Proceeding : Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020)*, 2020, 448–55.

⁵ Mireia Orgilés et al., "Immediate Psychological Effects of the COVID-19 Quarantine in Youth from Italy and Spain" 148 (n.d.): 148–62.

kemerosotan tahap kesihatan mental serta peningkatan masalah sosial dan kadar jenayah dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Pada masa yang sama, ibu bapa mengalami tekanan dalam era pandemik akibat tuntutan bekerja dari rumah. Perkara ini dilihat telah memberi kesan yang negatif terhadap sesetengah pekerja bagi yang telah berkeluarga terutamanya wanita dengan anak yang masih kecil. Terdapat pekerja yang menghadapi masalah tekanan emosi akibat tidak dapat menguruskan urusan kerja dan urusan keluarga.⁶ Sehubungan itu, atas kesedaran ini telah mendorong penulisan ini merencami dimensi kemahiran keibubapaan berdasarkan kitab *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyah Li al-Tifli* karangan seorang sarjana Muslim yang terkemuka dalam bidang pendidikan anak iaitu Muhammad Nur Hafiz Suwaid yang berorientasikan sumber nabawi sebagai panduan dalam mencetuskan idea ibu bapa dan membuahkkan tindakan lebih berfokus dalam mendidik anak terutamanya dalam era pandemik ini, tanpa menafikan kemasyhuran pakar pendidikan anak-anak lain seperti Abdul Nasih Ulwan. Namun, penulisan ini ingin menelusuri kitab karya Muhammad Suwaid yang telah merungkaikan sembilan bentuk dimensi dan metodologi pendidikan anak iaitu dimensi akidah, ibadah, sosial, emosi, akhlak, jasmani, intelektual, kesihatan dan seksual.

Biodata Ringkas Penulis Kitab *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyah li al-Tifli*

Nama lengkap Muhammad Nur Abdul Hafiz Suwaid ialah Khalid bin Abdurrahman. Beliau lahir di Damsyik pada 1362 H/1943 M. Beliau merupakan seorang yang suci hatinya dan bersifat tawaduk, alim, ahli ibadah dan pengarang kitab yang memberi panduan dalam merungkai pelbagai permasalahan kehidupan merangkumi aspek pendidikan. Beliau mendalami ilmu daripada ulama Syam dan di antaranya; seorang ahli fatwa terkemuka iaitu Dr. Syeikh Muhammad Abu Yusro' Abidin. Beliau turut berguru dengan Syeikh Khusain Khottob, Syeikh Mohammad Abu Yasir Abidin dan Syeikh Muhammad Nasiruddin Al-Bani. Setiap hari beliau mempunyai kegiatan belajar dan mengajar di Madrasah Thanawiyah Al-Syariyyah sehingga tahun 1970M. Beliau turut

⁶ Aida Shakila and Nurul Naimah, "Dinamika Keluarga E-Book (2)-Pages-135-139 Aida Shakila Ishak," no. March (2021).

bertugas sebagai guru di Madiroyah Ifta' dan pemimpin dakwah di beberapa buah kampus sekitar Damsyik. Muhammad Suwaid turut bekerja sebagai konsultan jurutera di Kuwait. Muhammad Suwaid meninggal dunia pada hari Jumaat tahun 1419 H/999M. Antara karya Muhammad Suwaid berkaitan pendidikan ialah *Maktabah al-Usrah al-Muslimun*, *Adab al-Hayah al-Zawjiyyah*, *Al-Muharramat 'ala al-Muslimah*, *Bina' al-Usrah al-Muslimah*, *Tarbiah al-abna' wa al-Bannat*, *Syakhshiyah al-Mar'ah al-Muslimah*, *Wajibah al-Mar'ah al-Muslimah* dan *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyah li al-Tifli*.

Pengalaman Muhammad Suwaid dalam bidang pendidikan ini telah dikongsi bersama dalam bentuk penulisannya yang memberi panduan bermanfaat dalam melahirkan generasi mampan dalam segala aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Dimensi Kemahiran Keibubapaan dalam Pendidikan Anak

Muhammad Suwaid menyusun dimensi mengikut keutamaan iaitu dimensi akidah, ibadah, sosial, akhlak, emosi, intelektual, jasmani, kesihatan dan seksual. Penulisan ini menelusuri dimensi tersebut dengan mengambil kira kesesuaiannya dalam era pasca pandemik Covid-19. Peringkat *al-Tifli* yang difokuskan dalam kitab ini adalah fasa kelahiran sehingga mencapai umur baligh.

a. Dimensi Akidah

Keluarga adalah agen sosialisasi utama dalam mendidik dan mengajar agar seseorang anak itu menjadi anggota masyarakat yang baik dan mulia bermula dari hari kelahirannya seorang bayi itu setelah mula mendengar suara azan dan iqamat sebagai didikan roh Islam dalam jiwa anak yang masih mentah sehinggalah kanak-kanak itu meniti alam kedewasaan yang dipenuhi dengan didikan dan ajaran Islam yang meliputi aspek syahadah, rukun Islam, rukun iman, aspek hukum-hakam, aspek ibadah, muamalat dan aspek bersosial berteraskan jalur dan prinsip ajaran Islam.

Menelusuri pemaknaan akidah yang sedia dimaklumi iaitu pembenaran dalam hati terhadap sesuatu yang turut dipercayainya secara pasti dan jitu tanpa perasaan syak atau ragu sedikit pun; ternyata bahawa akidah yang sering dikaitkan dengan maksud keimanan yang sebenar merujuk kepada penanggapan dan pencapaian akal manusia mencecah tahap yakin, tanpa diselubungi

unsur syak dan ragu terhadap kebenaran apa yang diimani, disusuli keakuran hati dan kepatuhan kemahuan terhadap apa yang diimani yang terserlah menerusi ketundukan dan kepatuhan individu terhadap segala perintah dan arahan yang diterima dari Allah SWT, Tuhan yang diimaninya⁷ itu mendasari tiga elemen penting iaitu; pertama, wujudnya pegangan kukuh berasaskan keyakinan. Kedua, wujudnya unsur ketundukan yang tulus dalam hati sanubari setiap insan terhadap apa yang diimaninya dan ketiga, wujudnya unsur cetusan atau rangsangan dalaman dalam diri individu tersebut untuk menterjemahkan seluruh prinsip keimanannya di alam realiti dengan berusaha untuk menyelaraskan seluruh aktiviti kehidupan sehariannya bersendikan nilai keimanan tersebut. Atau dalam erti kata lain, setiap insan yang memiliki iman yang tulus dan terpasak jitu dalam kalbunya dapat melihat sesuatu perkara dari kacamata *al-Din* dan menolak tegas sesuatu perkara yang bertentangan dengan prinsip keimanannya.⁸ Nilai ilmu akidah yang dipasak dalam bentuk keimanan ini merupakan teras utama yang memungkinkan pengislahan diri individu dalam keseluruhan aspek kehidupan.

Perihal tersebut dilihat kepada keimanan atau akidah yang merupakan ‘tenaga’ dalaman utama yang bertindak mencetus, memberangsang dan menggerakkan seluruh keupayaan mental dan fizikal setiap insan ke arah melaksanakan seluruh perintah Allah SWT dalam kehidupan. Ucapan syahadah bukan sekadar ungkapan biasa, tetapi ia menegaskan persaksian bahawa ‘tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruhNya’; persaksian jitu yang membawa maksud bahawa Allah mengisi tempat utama di dalam kehidupan, tindakan serta pemikiran setiap individu Muslim yang dipandu dengan bimbingan Rasul SAW.

Berlandaskan kepada kefahaman tersebut, setiap Mukmin sewajibnya meletakkan keutamaan kepada aspek akidah dalam seluruh aktiviti kehidupannya, termasuklah dalam konteks pembangunan ummah agar berjalan seiringan dengan prinsip keimanan. Atau dalam erti kata lain, setiap Muslim meyakini bahawa Allah SWT bersifat *iradah* (kehendak) dan *iradah*-Nya adalah ‘kehendak yang muktamad’ dan semestinya mengatasi

⁷ Al-Qaradawi, Yusuf, Dr., *al-Iman wa al-Hayah*. cet. 13, (Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1987), h. 20

⁸ Sa’id Hawwa, al-Asasfi al-Sunnah wa Fiqhuha: al-’Aqa’id al-Isldmiyyah. Jil. 1, (Kaherah: Dar al-Salam, 1989), h. 17; Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah, *Islam Akidah dan Kerohanian*. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), h. 105.

kehendak hamba-Nya.⁹ Justeru, pengukuhan akidah bertunjangkan kecintaan Allah, RasulNya dan kepatuhan kepada agama berupaya membentuk jati diri anak-anak Muslim. Dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari,

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: كُنْتُ رَدِيفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: " يَا غُلَامُ أَوْ يَا بَنِيَّ أَوْ لَا أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ يَنْفَعُكَ اللَّهُ بِهِنَّ؟ " قُلْتُ: بَلَى، قَالَ: " أَحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظَكَ، أَحْفَظِ اللَّهَ يَجِدْهُ أَمَامَكَ، تَعْرِفِ إِلَى اللَّهِ فِي الرَّحَاءِ يَعْرِفَكَ فِي الشَّدَّةِ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعْنَتْ فَاسْتَعِنِ بِاللَّهِ، قَدْ جَفَّ الْقَلَمُ بِمَا هُوَ كَائِنٌ فَلَوْ أَنَّ الْخَلْقَ كُلَّهُمْ جَمِيعًا أَرَادُوا أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَفْضِهِ اللَّهُ لَكَ لَمْ يَقْدِرُوا عَلَيْهِ وَإِنْ أَرَادُوا أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَفْضِهِ اللَّهُ عَلَيْكَ لَمْ يَقْدِرُوا عَلَيْهِ "

Maksudnya: Daripada Ibnu Abbas bahawa beliau berkata, “Pada suatu hari aku berada di belakang Rasulullah SAW (di atas unta), lalu baginda bersabda: “Wahai pemuda atau wahai anakku, sesungguhnya aku akan mengajarkan kepadamu beberapa kalimat . Jagalah Allah, nescaya Dia akan menjagamu. Jagalah Allah nescaya engkau akan mendapatinya ada di hadapanmu. Ingatlah Dia dalam senangmu, Dia akan mengingatimu ketika susah. Apabila engkau meminta sesuatu, mintalah kepada Allah. Jika engkau memohon pertolongan, mohonlah kepada Allah. Pena pun telah kering sebagaimana ia. Sekiranya seluruh umat berkumpul untuk memberikan kemanfaatan kepadamu, mereka tidak akan mampu memberikan manfaat kepadamu. Dan sekiranya mereka bersatu menimpakan mudarat terhadapmu, maka mereka tidak akan mampu memberikan mudarat terhadapmu, kecuali dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan atasmu.¹⁰

Menurut Muhammad Suwaid, pengukuhan jiwa anak-anak dengan didikan al-Quran sedari kecil menatijahkan roh al-Quran

⁹ Mohd Fauzi Hamat, “Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini”, Jurnal Usuluddin 2202, 16:17.

¹⁰ Hadis Sahih, Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah Abu Abdullah (w. 256H) kitab Sahih al-Bukhari, *Al-Jami’ al-Sahih (Al-Sulthaniah)*. Mesir 1413 H (Bab *al-Raj’ min Allah*, no. hadis: 1043)

dalam jiwa anak-anak dan sekaligus menerangi pemikiran dan anggota badan mereka. Ini adalah keberkatan al-Quran. Berkata al-Hafiz al-Suyuti ‘Mengajarkan al-Quran kepada anak adalah asas Islam maka mereka akan membesar di atas fitrah dan cahaya hikmah terlebih dahulu memasuki hati mereka sebelum dikuasai hawa nafsu dan dinodai dengan keladak kemaksiatan dan kesesatan’.¹¹

Para ibu bapa hendaklah memberi kefahaman dan penerangan yang mudah kepada anak-anak sehingga terbuka makna al-Quran ke dalam hati dan akal anak kecil. Fitrah anak yang seumpama selembut kain putih, mudah menerima bentuk dan corak para ibu bapa.

b. Dimensi Ibadah

Pelaksanaan ibadah adalah manifestasi daripada akidah. Keimanan dan kepatuhan kepada Allah dan Rasul SAW diterjemahkan melalui pelaksanaan segala ibadah yang terangkum dalam Rukun Islam dan Iman yang memenuhi tuntutan fitrah setiap insan. Sayyid Ramadan al-Buti menegaskan bahawa; ‘Ketika menyemai akidah yang kukuh dalam jiwa anak, tidak dapat tidak perlu disirami dengan siraman ibadah. Maka dengan itu, bercambahlah akidah dalam hati dan ia tetap berdiri teguh apabila berhadapan dengan badai kehidupan’.

Menurut Muhammad Suwaid, zaman kanak-kanak merupakan fasa persediaan dan latihan sebelum memasuki fasa taklif setelah baligh; untuk memudahkan mereka menunaikan tanggungjawab dengan sempurna. Iman tidak sempurna tanpa amal dan amal tidak sah tanpa iman. Al-Quran mengaitkan iman dan amal seiring dan bertaut rapat bagai aur dengan tebing. Amalan dan perbuatan baik melahirkan nilai dan kesan positif. Sebagai contoh; amalan solat mencegah seseorang daripada perbuatan keji dan sifat mazmumah. Islam menegaskan agar ibu bapa mendidik anak-anak seawal tujuh tahun kepatuhan melakukan solat sebagai asas pengukuhan agama. Ia merupakan tindakan ketaatan dan kepatuhan, rasa kesyukuran atas segala kurniaan Allah, penyerahan jiwa kepada Allah, penyucian jiwa dan fizikal dan sekaligus kesempurnaan akhlak.

¹¹ Abdullah Siraj al-Din al-Husaini. *Tilawah al-Quran al-Majid*. Dar al-Minhaj al-Qawim. 2019.

c. Dimensi Hubungan Sosial

Penekanan Muhammad Suwaid dalam dimensi ini merupakan integrasi dimensi akidah, ibadah, akhlak yang dilihat berpotensi untuk dikembangkan dalam usaha menyediakan satu model yang tersusun sebagai panduan kepada para ibu bapa dalam membentuk keperibadian anak-anak mereka sejak kecil. Unsur utama yang mendasari dimensi ini adalah komunikasi berkesan yang diterapkan dalam setiap aktiviti bersama anak-anak. Komunikasi sama ada berbentuk perbualan seharian, gerak tubuh dan perbincangan harmoni ini perlu mengambil kira latar belakang dan kedudukan setiap anak yang pastinya berbeza perlakuan, pemikiran dan pemahaman sekalipun lahir dalam keluarga yang sama dalam memastikan komunikasi tersebut tidak tersasar daripada objektif yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, Islam telah menunjukkan beberapa kaedah komunikasi yang dirasakan sesuai untuk diaplikasikan dalam membina interaksi yang berkesan sebagaimana firman Allah dalam surah al-Nahl 16:125 bermaksud:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

al-Nahl 16:125

Menurut Sayyid Quṭb, komunikasi secara berhikmah memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian terhadap situasi dan realiti semasa golongan sasaran menggunakan teknik komunikasi yang bersesuaian dan berkesan. Kaedah nasihat pula diaplikasikan melalui komunikasi secara lemah-lembut yang mampu meresap ke dalam hati manusia dan bukannya melalui ancaman dan tegahan yang boleh mengaibkan mereka atas segala tindakan yang dilakukan.

Pembinaan keyakinan dalam jiwa anak-anak ini mendorong mereka mampu menyesuaikan diri dalam kalangan masyarakat, sama ada apabila bersama orang dewasa atau rakan sebaya dengan

penuh hikmah dan berakhlak. Penglibatan anak-anak dalam majlis yang dihadiri ibu bapa dan orang dewasa mematangkan anak-anak seperti mana ungkapan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari,

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَخْبِرُونِي بِشَجَرَةٍ مِثْلُهَا مِثْلُ الْمُسْلِمِ، تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا، وَلَا تَحْتُ وَرَقَهَا، فَوَقَعَ فِي نَفْسِي النَّخْلَةُ، فَكَرِهْتُ أَنْ أَتَكَلَّمَ وَتَمَّ أَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ، فَلَمَّا لَمْ يَتَكَلَّمَا قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هِيَ النَّخْلَةُ، فَلَمَّا خَرَجْتُ مَعَ أَبِي قُلْتُ: يَا أَبَتَاهُ، وَقَعَ فِي نَفْسِي النَّخْلَةُ، قَالَ: مَا مَنَعَكَ أَنْ تَقُولَهَا؟ لَوْ كُنْتُ قُلْتُهَا كَانَ أَحَبَّ إِلَيَّ مِنْ كَذَا وَكَذَا، قَالَ: مَا مَنَعَنِي إِلَّا أَنِّي لَمْ أَرَكَ وَلَا أَبَا بَكْرٍ تَكَلَّمْتُمَا فَكَرِهْتُ

Maksudnya: Daripada Ibn Umar RA berkata, Rasulullah SAW bersabda, “Beritahu aku tentang sebatang pokok perumpamaannya seperti seorang Muslim, membuahkannya hasil sesekali dengan izin Tuhannya dan daunnya tidak jatuh (dari dahannya)”. Maka terdetik dalam diriku pohon tamar, tetapi aku tidak menyebutnya. Abu Bakar dan Umar tidak bercakap. Kata Nabi SAW “Itulah pohon tamar”. Apabila aku keluar (dari majlis) bersama bapaku, aku katakan “Wahai ayah, aku (tahu jawabannya); pohon tamar”. Kata ayah, apa yang menghalangmu dari menyebutnya? Jika kamu menyebutnya pasti aku lebih gembira dan suka berbanding itu dan ini”. Katanya, ‘apa yang menghalangku ialah aku tidak melihat kamu wahai ayah dan Abu Bakar bercakap, maka aku (menyebutnya)’. Ada riwayat, ‘disebabkan aku paling muda antara mereka, maka aku berdiam’.¹²

Justeru, dengan membawa kanak-kanak kecil ke majlis yang dihadiri oleh orang dewasa mendorong anak-anak lebih berkeyakinan tinggi, akal pemikiran lebih tajam namun masih tetap berakhlak dan saling menghormati individu yang lebih berusia.

Asas kedua dalam membentuk dimensi sosial anak adalah dengan mendidik anak-anak membantu dalam urusan keperluan

¹² Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari Abu Abdullah (w. 256H). *Al-Jami' al-Sahih (Al-Sulthaniah)*. Mesir 1413 H. (Bab *Ikram al-Kabir wa yabda' bi al-Kalami wa al-Sudl*, no. hadith 6144).

rumah seperti menugaskan membantu membeli barang keperluan dapur dan sebagainya agar rasa tanggungjawab terbentuk.

Selain itu, anak-anak wajar dilibatkan dalam urusan penyediaan dan hidangan makanan. Pendidikan seumpama ini mendorong anak-anak lebih bertanggungjawab khususnya ketika waktu sahur dan berbuka puasa.

Muhammad Suwaid turut menegaskan kepentingan memilih rakan sebaya yang baik untuk anak-anak. Menjadi tabiat dalam jiwa manusia untuk saling berinteraksi, berkenalan dan membentuk hubungan serta menjalani kehidupan dengan penuh rasa persaudaraan dan kasih sayang. Pemilihan sahabat yang baik dan soleh untuk anak-anak seumpama membuka pintu kebaikan untuk pendidikan dan pertumbuhan anak tersebut.

d. Dimensi Akhlak

Akhlak mencerminkan kualiti iman dan ibadah dalam diri seseorang Muslim. Sebagai Muslim ia sedar bahawa setiap tindakannya membawa kepada dosa dan pahala. Ibu bapa yang mewariskan adab dan akhlak yang mulia kepada anaknya lebih baik berbanding mewariskan harta yang banyak kerana adab menghimpunkan kebaikan duniawi dan ukhrawi. Muhammad Suwaid menyebutkan sembilan adab yang diajarkan oleh Nabi dan para *salaf al-soleh* iaitu adab kepada orang tua, adab terhadap ulama, adab menghormati dan menghargai orang lain, adab persaudaraan, adab sesama jiran tetangga, adab meminta izin, adab makan, adab penampilan anak, adab mendengarkan al-Quran. Kesembilan adab ini merupakan asas adab sesama manusia. Adab kepada ibu bapa dan adab sesama adik beradik amat sesuai dibina dari dalam rumah terutamanya ketika pandemik ini. Sebagai contoh, apabila anak ditegur oleh ibu bapa; anak perlu dinasihati untuk tidak mudah mengeluh dan melawan. Malahan anak perlu diingatkan agar menjaga hubungan sesama adik beradik kerana adik beradik adalah individu terdekat yang mengenali diri mereka. Selain itu, adab kepada ulama adalah penting kerana ulama adalah pewaris Nabi. Anak harus dididik untuk menghormati kedudukan ulama dan melindungi mereka jika dihina oleh golongan yang jahil.

Selain itu, peri pentingnya anak-anak ditanam dan disuburkan dengan sikap jujur, amanah, berlapang dada dan tidak berhasad

dengki. Sifat mahmudah ini perlu dibajai seawal mungkin supaya sifat ini mendarah daging dalam diri anak-anak.

e. Dimensi Emosi

Pembinaan emosi merupakan elemen utama dalam pembentukan jiwa anak-anak. Santunan kasih sayang kepada anak-anak yang jiwanya masih suci dan bersih memudahkan didikan yang baik diserap ke dalam jiwa dan minda mereka. Muhammad Suwaid menghuraikan enam unsur yang boleh dipraktikkan dalam usaha menyulami perasaan dan emosi anak iaitu melalui ciuman kasih sayang kepada anak, bergurau dan bermain bersama mereka, memberikan hadiah, menyambut dan membelai kepala mereka, mencari dan bertanya hal keadaan mereka serta memberi perhatian khusus kepada anak perempuan dan anak yatim.

Ciuman dan pelukan merupakan manifestasi kasih sayang seorang ibu dan bapa kepada anak. Bila mana anak berada bersama, serlahkan kemesraan dan kasih sayang kepada mereka sebagaimana sunnah Rasulullah SAW yang kerap mencium dan memeluk cucu baginda SAW iaitu Hassan dan Hussin. Malahan perbuatan ini mampu menenangkan jiwa anak dan meredakan gelora di jiwa mereka.

Pemberian hadiah turut memberikan kesan mendalam dalam meraikan perasaan anak. Pemberian ini sangat digalakkan sebagaimana hadis Nabi SAW yang dinukilkan oleh Imam Bukhari dalam kitab *Adab al-Mufrad*¹³,

تهادوا تحابوا

Salinglah kalian memberi hadiah nescaya kalian akan saling mencintai.

f. Dimensi Kekuatan Jasmani

Bermain merupakan satu keperluan untuk anak mencapai pertumbuhan yang sihat. Seperti mana orang dewasa bekerja untuk memenuhi keperluan hidup mereka begitulah anak memerlukan aktiviti seperti bersukan dalam kehidupan mereka. Imam Al-Ghazali menitipkan dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* bahawa anak perlu diberi peluang untuk bermain permainan yang baik untuk

¹³ Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari Abu Abdullah (w. 256H). *Sahih al-Adab al-Mufrad li al-Imam al-Bukhari*. (Dar al-Sadiq li al-Nashr wa al-Tawzi'). Cet. Keempat. 1418 H-1997M. (Bab *Qabul al-Hadiyah*, no. hadith 594).

melepaskan kelelahannya setelah belajar namun janganlah sehingga kepenatan.

Menurut Muhammad Suwaid, antara kegiatan yang digalakkan kepada anak ialah bersukan, berenang, berkuda dan memanah. Sebagaimana yang kata-kata Umar bin Khattab, “Ajarilah anak kalian berenang, memanah dan berkuda lincah”. Ketiga-tiga aktiviti ini menatijahkan keyakinan dan kepercayaan dalam diri anak-anak.

g. Dimensi Kecerdasan Intelektual

Dalam membina daya intelektual anak, ibu bapa haruslah jelas terhadap wawasan dan matlamat yang ingin dicapai. Menurut Muhammad Suwaid, dimensi ini merupakan dimensi terpenting dalam pembinaan karakter anak.

Dasar utama bagi meningkatkan kecerdasan intelektual anak adalah dengan menanamkan kecintaan kepada ilmu dan adab terhadap ilmu. Ibu bapa hendaklah menegaskan kepentingan ilmu kepada anak-anak dan galakan menuntut ilmu seperti ayat yang diungkapkan dalam surah Al-Ahzab ayat 122,

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوا
فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ أَلَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Terjemahan: Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Anak-anak berupaya menerima segala ilmu yang diajarkan dengan cepat kerana jiwa mereka masih suci dan akal yang masih kosong daripada perkara negatif. Seiringan dengan itu, anak dididik untuk menghafal al-Quran, hadis dan menguasai bahasa asing. Menurut Muhammad Suwaid, wajar pendidikan intelektual anak-anak ini dilakukan secara berperingkat sesuai usia kematangan anak-anak. Sebagai contoh; seandainya ibu bapa melihat bahawa menghafal keseluruhan al-Quran itu membebankan anak-anak, mulakan dengan menghafal *Juzuk 'Amma* dan Hadis *Arba'in al-*

Nawawi. Proses pembelajaran ini wajar dibimbing oleh guru yang bertauliah dan berkepakaran kerana didikan guru turut membekas dalam jiwa anak-anak. Guru yang cerdik dan bertakwa mendorong anak-anak ke jalan yang direcai Allah. Sekolah turut berperanan dalam membina persekitaran dan lingkungan yang baik buat anak-anak.

h. Dimensi Kesihatan

Anak-anak wajar dilazimi menjaga dan mengurus kebersihan diri. Muhammad Suwaid menekankan keperluan melazimi anak-anak untuk bersiwak dan memberus gigi selaras dengan sabda Rasul SAW yang bermaksud; “Jika tidak membebaskan umatku, tentu aku perintahkan mereka untuk bersiwak setiap kali hendak mengerjakan solat”. Hadis ini menekankan kepentingan penjagaan mulut dan gigi yang merupakan antara punca penyakit.

Selain itu, penjagaan kebersihan kuku kaki dan tangan amat penting kerana antara ruang pembiakan bakteria. Adab makan dan minum turut dititikberatkan agar anak-anak tidak obesiti. Pengambilan gizi makanan dalam kadar yang sederhana adalah lebih baik bagi menjamin kecerdasan fizikal dan minda mereka.

i. Dimensi Kesedaran Seksual

Pendidikan seksual penting didedahkan kepada anak-anak agar mereka peka dan sensitif mengenai hukum hakam dan halal haram yang berkaitan dengan hubungan berlainan jantina dan pernikahan. Kesedaran ini menjadikan mereka matang dan memahami saluran halal yang disyariatkan agama dalam memenuhi tuntutan fitrah dan keinginan naluri. Keprihatinan ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan seksual ini dapat mendorong anak menguruskan keinginan seksual dengan cara yang seimbang dan tidak menyimpang.

Rasulullah SAW telah menggariskan beberapa kaedah dalam mendidik seksual anak. Antaranya ialah dengan meminta keizinan sebelum memasuki bilik ibu bapa atau bilik individu lain. Islam menentukan tiga waktu yang diwajibkan untuk anak yang sudah baligh meminta keizinan tersebut iaitu sebelum subuh, waktu tengah hari dan selepas Isyak. Ketiga-tiga waktu tersebut merupakan waktu ibu bapa sedang berehat dan memungkinkan mereka dalam keadaan yang tidak bersedia.

Sehubungan dengan itu anak perlu dilatih untuk menundukkan pandangan daripada melihat perkara yang haram seperti aurat dan maksiat. Pandangan mata merupakan tempat jatuhnya sesuatu perkara yang memasuki hati sanubari anak. Oleh itu, demi memelihara kesucian jiwa anak yang sedang menuntut ilmu, ibu bapa wajar menasihati anak agar menjaga pandangan mereka. Sekiranya pandangan mata mereka terjaga, hati berada dalam keadaan bersih dan mudah memahami segala ilmu pengetahuan khususnya ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis.

Muhammad Suwaid menekankan keperluan mengasingkan tempat tidur anak mengikut jantina mereka. Pemisahan tempat tidur hendaklah bermula sejak usia anak sepuluh tahun kerana apabila tidur di atas tempat tidur yang sama dengan satu selimut yang sama akan meningkatkan hawa nafsu mereka lalu membawa kepada keburukan dan perkara yang menyimpang. Selain itu, ajarkan anak untuk tidur mengiring ke kanan senada sunnah Rasulullah SAW dan elakkan tidur dalam keadaan menelungkup yang boleh menjejaskan kesihatan.

Selain itu, Muhammad Suwaid menekankan kepentingan kepada anak mumaiyiz mengenai kewajipan mandi hadas dan perkara-perkara yang disunatkan. Adalah lebih baik anak belajar daripada ibu bapanya berbanding daripada individu lain.

Muhammad Suwaid turut menggalakkan ibu bapa mendidik anak-anak memahami isi kandungan surah al-Nur yang menegaskan penjagaan maruah khususnya bagi anak perempuan.

Solusi Pendidikan Anak-anak dalam Era Pandemik

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, jelas bahawa secara tidak langsung kitab *Manhaj Al-Tarbiah Al-Nabawiyyah Li Al-Tifli* turut menyajikan solusi pendidikan anak-anak yang praktikal untuk disesuaikan oleh ibu bapa dalam era pandemik. Tuntasnya, karya penulisan Muhammad Suwaid ini telah menghimpunkan dimensi kemahiran keibubapaan yang holistik dan komprehensif. Oleh yang demikian, sebagai pemangkin penulisan ini memaparkan beberapa solusi yang boleh diubahsuai oleh ibu bapa dalam pendidikan anak-anak dalam suasana pandemik dan endemik ini.

Pengukuhan akidah merupakan perkara utama yang wajar ditekankan dalam pendidikan anak-anak. Kita sedia maklum bahawa ilmu pengetahuan mengenai akidah khususnya untuk

mengenal Allah adalah pengetahuan yang paling tinggi dan teragung. Ini kerana setiap individu yang mengimani Allah sebagai satu-satunya Tuhan yang Maha Esa memiliki jiwa merdeka yang mampu mengislahkan dirinya, keluarga, bangsa dan negara. Bahkan memiliki kualiti hebat, sentiasa positif dan mampu bertahan menghalang cabaran. Justeru, pandemik Covid-19 ini hanyalah satu bentuk didikan dan teguran Allah yang mempunyai hikmah terbesar. Sulami penjelasan wabak ini dengan keyakinan terhadap hikmah disebalik ujian pandemik yang melanda dunia¹⁴. Namun, segalanya menuntut seribu kesabaran dalam menghadapinya¹⁵.

Walaupun diasak dengan kesibukan bekerja sepanjang tempoh pandemik, ibu bapa seharusnya cuba mengurus masa untuk menghidupkan suasana ilmiah seperti majlis bacaan hadis dan sirah Rasulullah SAW agar perasaan cinta terhadap peribadi baginda SAW sentiasa memenuhi segenap ruang jiwa anak seterusnya mendorong mereka untuk mencontohi peribadi dan akhlak baginda SAW.

Seiring dengan itu, al-Quran sangat berkesan dalam meredakan kebimbangan ibu bapa dan anak dalam menghadapi pandemik ini. Apabila anak-anak mengisi masa mereka dengan membaca al-Quran, secara tidak langsung mempersiapkan perisai paling ampuh sebelum menghadapi cabaran yang bakal ditempuhi di luar sana. Semestinya kebersihan dan penjagaan sendiri harus diteruskan bagi melindungi diri daripada sebarang kemudaratan wabak dan penyakit. Namun, perisai bersifat abstrak seperti doa, bacaan al-Quran dan zikir perlu berjalan seiringan membina kekuatan dalaman anak-anak.

Selanjutnya, ibadah solat merupakan aktiviti utama menghadapi ujian pandemik. Suasana terkurung di dalam rumah menyebabkan anak-anak lebih terdedah kepada risiko stres berbanding orang dewasa kerana mereka tidak mempunyai alasan untuk keluar dari rumah¹⁶. Dalam ibadah solat, anak-anak belajar

¹⁴ Mualimin Mochammad Sahid, Hasnizam Hashim, and Fettane Amar, "Prinsip Keluarga Islam Mendepani Norma Baharu Semasa Pandemik Covid 19," *Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia*, no. October (2020): 194–206.

¹⁵ Aisyah Najibah Ahmad Najmee et al., "COVID-19 : Perspektif Psikospiritual Islam Bagi Pelajar," 2020, 302–6.

¹⁶ Syed Mohammad Hilmi Bin Syed Abdul Rahman and Annuar Ramadnon Kasa @ Muhyiddin, "[Children's Stress Management According to Islamic Perspective] Pengurusan Stres Anak-Anak Menurut Perspektif Islam S" 22, no. 1 (2021): 205–15.

menyerahkan diri kepada Allah, meminta pertolongan serta membina hubungan erat dengan Pencipta. Solat merupakan detik waktu seorang hamba berada paling dekat dengan Penciptanya. Solat yang dilakukan mempunyai perkaitan dengan mengingati Allah sehingga menyebabkan hati menjadi tenang. Anak-anak yang melazimi solat akan menjadikannya seorang yang lebih tenang dan mudah mentaati ibu bapa.

Sungguhpun era pandemik menghadkan pergerakan anak dalam bersosial, tidak bermakna ibu bapa harus memandang ringan dimensi sosial dalam pendidikan anak-anak. Ibu bapa dianjurkan untuk bersikap kreatif dalam memilih cara terbaik bagi mengembangkan dimensi sosial dalam diri anak-anak. Sebagai contoh, apabila anak tidak dibenarkan untuk menyertai bapa ke masjid untuk bersolat secara berjamaah, ibu sewajarnya membudayakan solat berjamaah bersama di rumah. Aktiviti bersama ini mampu menatijahkan ikatan sosial yang baik sesama ahli keluarga jika diamalkan secara konsisten.

Sementelah era pandemik ini menghalang anak-anak untuk turut serta menghadiri majlis yang dihadiri oleh orang dewasa, ibu bapa disarankan untuk mencari alternatif agar anak terdedah untuk berinteraksi dengan orang dewasa seperti mengikuti rancangan perbincangan ilmiah melalui media sosial yang dihadiri oleh golongan dewasa atau mengadakan sesi usrah atau pertemuan berkala bersama ahli keluarga menerusi platform *Zoom*, *Google Meet*, *Teams* dan sebagainya. Selain mengeratkan silaturrahim, pendedahan seperti ini dapat memperkenalkan anak kepada ahli keluarga yang jauh dan juga tokoh dalam masyarakat setempat di samping mewujudkan interaksi yang sihat antara anak dan anggota masyarakat.

Meskipun anak tidak bertemu dengan rakan mereka secara bersemuka sepanjang fasa PKP, realitinya mereka sering berhubungan antara satu sama lain melalui media sosial. Seharusnya persahabatan mereka ini secara tidak langsung mendapat perhatian dan pemantauan daripada ibu bapa. Ibu bapa berhak mengetahui dan mengambil berat rakan sosial anak-anak yang berupaya mempengaruhi mereka. Melalui rangkaian internet, anak-anak berinteraksi melalui platform *Whatsapp*, *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan sebagainya. Sehubungan itu, ibu bapa wajar menguasai kemahiran keibubapaan digital iaitu peranti yang

mbolehkan ibu bapa mengakses apa sahaja aktiviti anak-anak melalui media sosial¹⁷. Dewasa ini, adalah satu keperluan untuk ibu bapa mempunyai sikap lebih berhati-hati demi kemaslahatan pertumbuhan sosial anak yang baik dan tidak terjebak dengan perkara yang tidak diinginkan.

Jika dikaitkan dengan isu pandemik ini, dengan kecanggihan teknologi yang mempercepatkan segala urusan termasuklah urusan jual beli secara atas talian, ibu bapa disarankan untuk memperuntukkan sedikit perbelanjaan bagi membeli mainan yang bersifat mendidik seperti '*educational toys*' atau apa jua permainan yang akan merangsang emosi dan melahirkan kegembiraan dan kerianan anak-anak. Secara tidak langsung, kebosanan anak terubat dengan wujudnya permainan baru sekaligus mengalih perhatian mereka terhadap ketagihan bermain dengan *gadget*.

Ibu bapa sewajarnya melibatkan anak-anak dengan kerja rumah sesuai usia. Selain mengeratkan hubungan kekeluargaan, ia turut mendidik anak-anak lebih bertanggungjawab. Di samping itu, ibu bapa perlu membudayakan aktiviti bersukan dan bersenam. Kegiatan bermain dan bersukan bersama ahli keluarga dapat mengurangkan kecanduan anak terhadap permainan menerusi *gadget* berbentuk *games* yang boleh membunuh hubungan sosial anak dan merosakkan sistem penglihatan, daya fokus dan kepekaan anak. Gejala ini perlu diatasi kerana ia boleh membawa bahana kepada anak sehinggakan tidak menghiraukan aspek kesihatan seperti waktu tidur yang kurang, tidak menjaga kebersihan badan dan pola makan yang tidak teratur¹⁸.

Umum mengetahui bahawa para guru tetap menjalankan tanggungjawab mengajar melalui platform Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam era pandemik ini. Namun, pembelajaran dalam talian ini mengganggu tumpuan dan fokus anak-anak berbanding jika mereka masuk ke kelas dan bersua muka

¹⁷ Haslina Mohamed Hassan et al., "Keibubapaan Digital Dan Mediasi Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Internet Abstrak Digital Parenting and Parental Mediation on Teenagers ' Internet Use in Malaysia Abstract Pengenalan" 6, no. 8 (2021): 121–32.

¹⁸ Ilga Maria and Ria Novianti, "The Effects of Using Gadgets during the Covid-19 Pandemic on Children's Behaviour," *Atfaluna: Journal of Islamic Early Childhood Education* 3, no. 2 (2020): 74–81, doi:10.32505/atfaluna.v3i2.1966.

dengan para guru¹⁹. Tambahan pula, menurut Hab Data UNICEF²⁰, sekurang-kurangnya satu pertiga pelajar sekolah iaitu kira-kira 463 juta kanak-kanak di seluruh dunia tidak dapat mengakses kepada pembelajaran jarak jauh apabila sekolah ditutup berikutan pandemik Covid-19. Ibu bapa wajar berperanan menggembeng tenaga memberikan kerjasama yang utuh dalam menjayakan sesi PdPR bagi memastikan anak-anak terus mencintai ilmu.

Sehubungan dengan itu, ibu bapa disarankan agar dapat menyediakan perpustakaan mini di rumah. Cukup dengan penyediaan buku dan majalah mengikut minat dan kecenderungan anak sebelum buku dan ensiklopedia yang lebih berat dan ilmiah. Apabila minat terhadap bidang tertentu diraikan dan dibimbing dengan betul; motivasi belajar mereka akan meningkat dan menggilap potensi ke arah kecemerlangan.

Muhammad Suwaid turut menyarankan agar melatih anak-anak untuk tidur seurus selepas Isyak dan bangun di awal pagi. Perkara ini sesuai dijadikan tips kepada ibu bapa dalam rangka mendisiplinkan anak sepanjang tempoh pandemik. Dewasa ini, sunnah ini kurang diberi perhatian dengan menganggap tidur lewat malam dan bangun untuk solat Subuh dan menyambung kembali tidur adalah perkara biasa. Anak-anak wajar dididik menikmati kesegaran pagi dengan melakukan aktiviti senaman ataupun berzikir. Tempoh pandemik bukanlah alasan untuk bermalasan.

Solusi terakhir keprihatinan dalam mewujudkan kesedaran seksual. Pandemik Covid-19 telah memaksa anak-anak untuk sentiasa berada di dalam rumah bagi mengurangkan penularan wabak. Bagi segelintir masyarakat, rumah yang sepatutnya dijadikan tempat perlindungan paling selamat telah menjadi tempat tidak terjamin keselamatannya. Ini kerana jumlah ahli keluarga yang ramai bersempit dalam sebuah rumah yang kecil seperti pangsapuri satu bilik boleh mengundang ketidakselesaan dan kurangnya ruang bersifat peribadi. Perkara ini cukup berbahaya kerana tiadanya privasi akibat berkongsi bilik dan bilik air. Banyak kes sosial seperti sumbang mahram berlaku disebabkan pembahagian ruang yang tidak kondusif lalu membawa kepada

¹⁹ Niena Najwa Mohd Rashid. Psikologis Klinikal Pusat Pakar Psikologi Jiwadamai, Shah Alam. Covid-19: Cabaran baru buat kanak-kanak - Sinar Plus (sinarharian.com.my) 6 September 2021.

²⁰ <https://data.unicef.org/covid-19-and-children/> diakses pada 5 November 2021.

gangguan seksual dari dalam rumah. Ibu bapa sewajarnya membentuk sensitiviti dalam diri anak bagi membantu mereka memelihara maruah dan harga diri mereka.

Penutup

Jelas bahawa kitab *Al-Tarbiah al-Nabawiyah li al-Tifli* ini menyajikan dimensi pendidikan anak-anak yang berteraskan prinsip utama Islam yang merupakan tatacara kehidupan. Karya Muhammad Suwaid ini memiliki nilai ilmu yang tinggi kerana beliau menonjolkan keperibadian Nabi SAW sebagai sumber utama dalam membangunkan pendidikan anak-anak cemerlang. Kitab ini membincangkan secara kolektif sembilan dimensi pendidikan anak-anak yang praktikal sebagai panduan kemahiran keibubapaan yang wajar diadaptasi oleh para ibu bapa dalam pendidikan anak-anak khususnya mendepani era pasca pandemik ini. Setiap dimensi yang dikemukakan saling melengkapi antara satu sama lain bagi merealisasikan harapan ibu bapa untuk melahirkan anak yang mampu menjadi pemimpin kepada diri sendiri dan ummah sejagat.

Bibliografi

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Siraj al-Din al-Husaini. *Tilawah al-Quran al-Majid*. Dar al-Minhaj al-Qawim, 2019.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah Abu Abdullah.

Adab al-Mufrad. Dar al-Sadiq li al-Nashr wa al-Tawzi'. Cet. Keempat. 1418 H-1997M.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah Abu Abdullah.

Al-Jami' al-Sahih (Al-Sulthaniah). Mesir 1413 H.

Abd Razak, Nor Hamizah, and Abdul Rashid Aziz@ Dorashid. "Perkembangan Sosial Dan Emosi Kanak-Kanak: Kesan Penjarakan Sosial Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Dan Pendekatan Dalam Membantu." *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020)*, 2020, 448–55.

Hassan, Haslina Mohamed, Mohd Azul, Mohamad Salleh, and Abdul Latiff Ahmad. "Keibubapaan Digital Dan Mediasi Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Internet Abstrak Digital

- Parenting and Parental Mediation on Teenagers ' Internet Use in Malaysia Abstract Pengenalan” 6, no. 8 (2021): 121–32.
- Maria, Ilga, and Ria Novianti. “The Effects of Using Gadgets during the Covid-19 Pandemic on Children’s Behaviour.” *Atfāluna: Journal of Islamic Early Childhood Education* 3, no. 2 (2020): 74–81. doi:10.32505/atfaluna.v3i2.1966.
- Mohd Fauzi Hamat, “Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini”, *Jurnal Usuluddin* 2002, 16:17.
- Mualimin Mochammad Sahid, Hasnizam Hashim, and Fettane Amar. “Prinsip Keluarga Islam Mendepani Norma Baharu Semasa Pandemik Covid 19.” *Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia*, no. October (2020): 194–206.
- Muhammad Nur Hafiz Suwaid. *Al-Tarbiah Al-Nabawiyyah Li Al-Thifli*.
- Maktabah Dar Ibnu Kathir di Damsyik, Beirut. 2006.
- Najmee, Aisyah Najibah Ahmad, Adriana Qistina Tan, Adib Fahmy Awang, Nor Raihan Zulkefly, and Nurulhuda Mat Hassan. “COVID-19 : Perspektif Psikospiritual Islam Bagi Pelajar,” 2020, 302–6.
- Orgilés, Mireia, Alexandra Morales, Elisa Delveccio, Claudia Mazzeschi, and José P. Espada. “Immediate Psychological Effects of the COVID-19 Quarantine in Youth from Italy and Spain” 148 (n.d.): 148–62.
- Al-Qaradawi, Yusuf, Dr., *al-Iman wa al-Hayah*. cet. 13, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1987.
- Rahman, Syed Mohammad Hilmi Bin Syed Abdul, and Annuar Ramadnon Kasa @ Muhyiddin. “[Children’s Stress Management According to Islamic Perspective] Pengurusan Stres Anak-Anak Menurut Perspektif Islam S” 22, no. 1 (2021): 205–15.
- Sa’id Hawwa, *al-Asasfi al-Sunnah wa Fiqhuha: al-'Aqa'id al-Isldmiyyah*. Jil. 1, (Kaherah: Dar al-Salam, 1989), h. 17; Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah, *Islam Akidah dan Kerohanian*. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), h. 105
- Shakila, Aida, and Nurul Naimah. “Dinamika Keluarga E-Book (2)-

- Pages-135-139 Aida Shakila Ishak,” no. March (2021).
Al-Tarmizi, Muhammad bin Sawrah bin Musa bin al-Dhahak.
Sunan al-Tarmizi (w. 279H).
Syarikah Maktabah wa Mathbaah Mustafa al-Baabi al-Halabi,
Mesir. Cet. Kedua 1395H-1975M
- Viner, Russell M., Simon J. Russell, Helen Croker, Jessica Packer,
Joseph Ward, Claire Stansfield, Oliver Mytton, Chris
Bonell, and Robert Booy. “School Closure and
Management Practices during Coronavirus Outbreaks
Including COVID-19: A Rapid Systematic Review.” *The
Lancet Child and Adolescent Health* 4, no. 5 (2020): 397–
404. doi:10.1016/S2352-4642(20)30095-X.
<https://data.unicef.org/covid-19-and-children/> diakses pada 5
November 2021.
- BERNAMA - Lumrah Dan Cabaran Kanak-Kanak Dalam
Mendepani COVID-19 diakses pada 7 November 2021.